

NO SOALAN :41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.04.2015

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dalam keadaan nilai ringgit dan ekonomi yang tidak memberangsangkan adakah Kerajaan akan terus melaksanakan GST pada April ini.

JAWAPAN

Pelaksanaan GST tidak ditangguhkan kerana ia merupakan cukai kepenggunaan yang menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST). Dibawah SST pengguna telahpun membayar cukai jualan 5% atau 10% serta cukai perkhidmatan 6% berbanding dengan GST hanya

dikenakan 6% sahaja atau tidak dikenakan cukai sehingga dikategorikan dibawah GST zero rated atau GST exempt supply.

2. Di peringkat antarabangsa, pengumuman mengenai pelaksanaan GST telah memberi kesan yang positif setelah Malaysia diberi pengiktirafan oleh Badan-Badan Antarabangsa dan agensi penarafan dunia. Ini akan membantu Malaysia mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi kelak.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini adalah didorong oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai berbanding dolar AS. Pengukuhan dolar AS ini adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, kejatuhan harga minyak rendah dunia turut memberi kesan kepada negara-negara pengeksport komoditi domestik Malaysia.